

PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 02 Tahun 2021

PEKELILING DASAR PEMERIKSAAN KESIHATAN BAGI MAKSUD PELANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai Dasar Pemeriksaan Kesihatan Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Di Universiti Teknologi MARA (UiTM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pemeriksaan kesihatan kepada calon yang dilantik ke dalam perkhidmatan awam dijelaskan dalam peraturan 20(1)(a), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012. Berdasarkan peraturan tersebut, setiap calon yang akan dilantik ke dalam perkhidmatan awam hendaklah disyaratkan untuk diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.
- 2.2 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2013: Pemeriksaan Kesihatan Bagi Maksud Pelantikan Ke Dalam Perkhidmatan Awam bertujuan memberi panduan mengenai pelaksanaan pemeriksaan kesihatan bagi maksud pelantikan ke dalam perkhidmatan awam supaya pelaksanaannya lebih teratur. Merujuk kepada perenggan 6 perkara (h) dalam pekeliling tersebut menyatakan:

“kos pemeriksaan kesihatan adalah ditanggung sepenuhnya oleh calon/ pegawai melainkan pemeriksaan yang dibuat di hospital/ klinik Kerajaan”.

- 2.3 Pada masa ini pelaksanaan urusan pemeriksaan kesihatan adalah berdasarkan borang pemeriksaan perubatan (Pin.1/2013) dan (Pin.2/2013) sebagaimana yang terkandung dalam pekeliling tersebut.
- 2.4 Keputusan Mesyuarat Lembaga Universiti (LPU) ke-176 bertarikh 18 November 2020 bersetuju meluluskan cadangan Dasar Pemeriksaan Kesihatan Bagi Maksud Pelantikan ke Dalam Perkhidmatan seperti berikut:

| Status | Lantikan | Pemeriksaan Kesihatan | |
|--------------------|-------------------|---|-----------------------|
| | | Pusat Kesihatan UiTM, Unit Keshihan Cawangan, Klinik/Hospital Kerajaan sahaja (ditanggung oleh UiTM) | Tanggungan Sendiri |
| Calon Luar | Tetap | | ✓ |
| | Kontrak | | ✓ |
| | Sambilan | | ✓ |
| Staf Tetap UiTM | Gred lebih tinggi | ✓ | |
| Kontrak UiTM | Tetap | ✓ | |
| Pesara UiTM | Kontrak/ Pakej | ✓ | |

- 2.5 Pemeriksaan kesihatan bagi maksud pelantikan ke dalam perkhidmatan tidak dibenarkan dibuat di mana-mana Klinik Panel UiTM kecuali staf menampung sendiri kos tersebut.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Dasar ini adalah terpakai kepada lantikan berikut:

- i. Kos pemeriksaan kesihatan bagi calon luar yang dilantik samada tetap, kontrak atau sambilan adalah **ditanggung sendiri oleh calon**.

- ii. Bagi staf tetap UiTM yang dilantik ke jawatan gred yang lebih tinggi, kos pemeriksaan kesihatan ditanggung oleh UiTM.
- iii. Bagi staf kontrak UiTM yang dilantik ke jawatan tetap, kos pemeriksaan kesihatan ditanggung oleh UiTM.
- iv. Bagi pesara UiTM yang dilantik kontrak/pakej (termasuk khidmat Setia/Kehormat), kos pemeriksaan kesihatan akan ditanggung oleh UiTM.

3.2 Bagi (ii), (iii) dan (iv) UiTM hanya akan menanggung kos pemeriksaan kesihatan yang dibuat di Pusat Kesihatan UiTM, Unit Kesihatan Cawangan UiTM, Klinik/Hospital Kerajaan sahaja. Sekiranya pemeriksaan kesihatan bagi maksud pelantikan ke dalam perkhidmatan dilaksanakan di klinik-klinik Panel UiTM atau di klinik/hospital swasta, staf hendaklah menanggung sendiri kos tersebut.

4.0 TARIKH DIKELUARKAN


Pekeliling dikeluarkan pada 22 Januari 2021.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

6.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini adalah terpakai untuk semua pelantikan yang dibuat oleh Bahagian Pengambilan dan Penempatan Staf (BPPS), Pejabat Pendaftar, kampus-kampus negeri dan fakulti-fakulti yang telah diberikan autonomi.



PROF. EMERITUS DATUK IR. DR. MOHD AZRAAI KASSIM
Naib Canselor

Dikelilingkan Kepada:

Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Cawangan

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No. Siri : 100-Uitm (NC 6/2) 02